



SIARAN MEDIA

MAJLIS PRA PELANCARAN SAMBUTAN JUBLI EMAS ANGKASA 2021

PETALING JAYA, 23 DISEMBER 2020 – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) pada hari ini menganjurkan Majlis Pra Pelancaran Sambutan Jubli Emas ANGKASA bersempena dengan ulang tahun penubuhannya yang ke-50 pada tahun 2021. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Presiden ANGKASA merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), YBhg. Dato' Abdul Fattah Abdullah di Wisma Ungku.A. Aziz, Kelana Jaya.

ANGKASA, sebuah badan apeks gerakan koperasi di Malaysia telah ditubuhkan pada 12 Mei 1971 hasil daripada cadangan Kongres Kerjasama Kedua yang dirasmikan oleh YAB Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua dengan tujuan bagi merangsang dan memperkasa pembangunan koperasi di Malaysia.

Pada 22 Januari 1972, kerajaan memberi pengiktirafan bahawa ANGKASA merupakan wakil gerakan koperasi di Malaysia dan pada tahun yang sama, ANGKASA menganggotai International Co-operative Alliance (ICA) iaitu pertubuhan koperasi di peringkat dunia. Tarikh bersejarah pada 23 Mei 1996 menyaksikan ANGKASA diwartakan oleh kerajaan sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang menyatu dan mewakili gerakan koperasi di peringkat nasional dan global. Kini, ANGKASA terus memperluas peranannya dalam memacu pembangunan perniagaan koperasi untuk meningkatkan pertumbuhan sosioekonomi dan kesejahteraan anggotanya.

ANGKASA pada hari ini melancarkan Logo ANGKASA50 sebagai identiti korporat selari dengan pencapaian memperkasa gerakan koperasi selama 50 tahun penubuhannya. Logo ini menggabungkan warna biru sebagai warna korporat ANGKASA dan jalur emas yang melambangkan kekukuhan, keunggulan dan kelestarian ANGKASA dalam menyatukan dan mewakili 14, 625 buah koperasi dengan kira-kira 6 juta anggota di negara ini.

Perkataan Jubli Emas 1971- 2021 merupakan tanda memperingati tahun 2021 sebagai tahun sambutan Jubli Emas ANGKASA. Manakala tema “Menjulang Aspirasi Koperasi” dipilih dan diletakkan pada jalur emas bagi menyemarakkan semangat para koperasi untuk meningkatkan pencapaian dan kecemerlangan dalam memberi manfaat yang berterusan kepada anggota serta memupuk budaya berkoperasi dalam kalangan masyarakat.

Majlis turut menyaksikan pelancaran Lagu Rasmi ANGKASA bertajuk “Sepakat Membina” yang telah menjadi juara Pertandingan Mencipta Lagu Rasmi ANGKASA bertemakan ‘Semangat Koperasi’. Lagu ciptaan Azlan Abu Hassan dan lirik ditulis oleh Ishak Ahmad dipilih daripada 44 penyertaan dari seluruh negara.

Penjurian Pertandingan Mencipta Lagu Rasmi ANGKASA diketuai oleh Dato' Mokhzani Ismail, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Muzik, Jabatan Penyiaran Malaysia dan disertai oleh komposer, Jaffar Abd Rahman @ Idris atau lebih dikenali sebagai JARI, Muhammad Yuri Bin Mohamed Edris serta juri dalam kalangan Kepimpinan Tertinggi ANGKASA.

Para pemenang Pertandingan Mencipta Lagu Rasmi ANGKASA menerima hadiah yang disampaikan oleh Presiden ANGKASA . Senarai pemenang adalah seperti yang berikut:

Juara

Tajuk Lagu : Sepakat Membina
Komposer : Azlan Abu Hassan
Lirik : Ishak Ahmad @Auchu
Hadiah : Wang tunai RM10,000 dan sijil penghargaan

Hadiah Juri

Komposer : Zuraidy Wan Chek
Lirik : Mohd Shahir Hassan
Hadiah : Wang tunai RM2,500 dan sijil penghargaan

Hadiah Juri

Komposer/ Lirik : Fauzi Ausunam / Haris Fazilal / Boy Razak /
Sham Barongan
Hadiah : Wang tunai RM2,500 dan sijil penyertaan

Hadiah Juri

Komposer : Anuar Ab Razak
Lirik : Zamzairi bin Mohd Jawi
Hadiah : Wang tunai RM2,500 dan sijil penyertaan

Sempena dengan Sambutan Jubli Emas ANGKASA 2021, pelbagai program dan pertandingan menerusi platform media sosial akan dilaksanakan untuk menyemarakkan penyertaan anggota koperasi dan memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk sama-sama meraikan tahun yang penuh bermakna buat ANGKASA.

“Menjulang Aspirasi Koperasi”

**PENGURUS BESAR BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD (ANGKASA)
23 DISEMBER 2020**

MENGENAI ANGKASA

ANGKASA adalah Badan Apeks Gerakan Koperasi Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan untuk menyatukan dan mewakili koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa. ANGKASA menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, dan kesatuan.

ANGKASA melaksanakan program transformasi perniagaan dan keusahawanan koperasi dalam sektor perniagaan yang berimpak tinggi seperti Kewangan, Pertanian dan Industri Asas Tani, Pemborongan dan Peruncitan, Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Perladangan, Hartanah dan Industri Binaan, Inovasi dan Teknologi serta Pembangunan Komuniti.

Sehingga bulan Disember 2019, ANGKASA menaungi kira-kira 14,625 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira-kira 6.1 juta orang, modal syer/ yuran sebanyak RM15.4 bilion, jumlah aset RM146.8 bilion dan perolehan sebanyak RM45.8 bilion. (*Sumber statistik: Suruhanjaya Koperasi Malaysia*).

ANGKASA telah menerima pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2015), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO/IEC 27001:2013) dan Sistem Pengurusan Anti-Bribery (ISO37001:2016). ANGKASA juga telah dianugerahkan Cyber Security Organization of The Year di bawah kategori Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO 27001:2013) pada tahun 2015.

Untuk maklumat lanjut mengenai ANGKASA, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan di talian +603 78007800 atau e-mel kepada apex@angkasa.coop. Anda juga boleh melawati laman web kami di www.angkasa.coop dan berinteraksi dengan kami di akaun rasmi Facebook atau Twitter di @ANGKASACoop

Untuk pertanyaan dan maklumat berkenaan media sila hubungi :

Halim Haji Ibrahim

Pengurus Besar

Bahagian Komunikasi Korporat ANGKASA

Tel. : +6016- 4580305 / +603 – 7884 6481

Faks : +603 – 7884 6489

E-mel : korporat.angkasa@gmail.com

www.angkasa.coop